

**NO. SOALAN : 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-**

- (a) prestasi dan pencapaian Program MyFEST; dan
- (b) adakah masalah jerebu telah menjelaskan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dan bagaimanakah impak sektor pelancongan akibat dari keruntuhan nilai wang ringgit.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bersempena kempen MyFEST 2015, Kementerian telah mencapai beberapa pencapaian positif hasil daripada beberapa strategi dan pendekatan yang telah dirancang bagi menarik pelancong-pelancong untuk mengunjungi festival-festival, acara-acara pelancongan dan kebudayaan serta destinasi-destinasi menarik di negara ini.

Strategi dan pendekatan utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sempena kempen MyFEST 2015 adalah melalui pengenalan acara-acara dan program baru seperti Iftar@KL, Malaysia International Mask Festival 2015, International Aborigines Festival 2015 dan acara homegrown seperti *Magic Of The Night*. Acara-acara ini berjaya menarik seramai lebih daripada 50,000 pelancong secara puratanya dan berupaya menjanakan nilai perhubungan awam yang positif kepada negara.

Di samping itu, kementerian juga telah mengadakan kerjasama dengan agensi dan kerajaan negeri bagi menyokong penganjuran acara-acara utama MyFEST 2015 seperti acara *KL City Grand Prix*, *Rainforest World Music Festival*, *Borneo Jazz Festival*, *ASEAN International Film Festival and Awards* dan *Georgetown Festival* dan banyak lagi. Kementerian melalui *Malaysia Major Events* telah berjaya menarik beberapa acara dan konsert bertaraf antarabangsa untuk dianjurkan di

Malaysia seperti Bon Jovi dan Backstreet Boys, Ironman Putrajaya dan Langkawi. Sehingga Jun 2015, pendapatan pelancongan yang diperolehi hasil daripada penganjuran acara-acara antarabangsa adalah lebih daripada RM 200 juta.

Di samping itu, kempen MyFEST 2015 telah menyaksikan pengenalan produk pelancongan baru iaitu Skyride Festivals Park di Putrajaya dan pengenalan kempen promosi pelancongan domestik "Dekat Je". Program ini bertujuan untuk menggalakkan pelancong tempatan mengunjungi destinasi pelancongan menarik di seluruh negara sempena kempen MyFEST 2015.

Sempena dengan kempen MyFEST 2015, Kementerian melalui Tourism Malaysia juga telah membangunkan beberapa pakej-pakej pelancongan yang telah dijual di luar negara. Nilai pendapatan hasil daripada penjualan pakej yang telah diperolehi sehingga bulan Jun 2015 adalah sebanyak RM521.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun pelbagai usaha yang telah dilaksanakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sempena kempen MyFEST 2015, namun adalah tidak dapat dinafikan bahawa tahun 2015 adalah tahun yang amat mencabar sekali bagi sektor pelancongan negara. Sektor pelancongan negara terus menghadapi pelbagai cabaran iaitu *spillover effects* daripada kejadian kemalangan udara MH370, MH 17 dan QZ8501 pada tahun 2014 dan beberapa insiden bencana alam seperti gempa bumi dan masalah

jerebu pada tahun 2015. Kesemua kejadian ini telah memberi kesan kepada aktiviti pelancongan negara dan kedatangan pelancong asing ke negara.

Sehingga akhir bulan Jun 2015, kedatangan pelancong asing ke Malaysia adalah seramai 12.6 juta pelancong iaitu penurunan sebanyak - 9.4% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014. Sekiranya dibandingkan dengan setengah tahun pertama 2013 di mana tiada peruntukan khas promosi, ia telah menunjukkan pertumbuhan sebanyak 0.1% (12,552,731 pelancong asing pada setengah tahun pertama 2013). Bagi menangani penurunan ini, usaha promosi dan pemasaran agresif terus dilaksanakan di bandar-bandar peringkat kedua dan ketiga di pasaran antarabangsa. Pihak kementerian juga terus mengadakan perkongsian dengan syarikat penerbangan untuk mewujudkan penerbangan sewa khas yang dapat membantu merapatkan jurang antara musim puncak dan juga bandar-bandar yang tidak mempunyai penerbangan terus ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah jerebu yang melanda di beberapa tempat di seluruh negara sedikit sebanyak telah menjelaskan kerancakan industri pelancongan di negara ini. Hal ini disebabkan oleh pembatalan penerbangan ke beberapa buah destinasi utama dan penutupan beberapa lapangan terbang yang telah memberi implikasi negatif kepada para pelancong asing dan tempatan.

Merujuk kepada kejatuhan nilai mata wang ringgit pula, ianya berupaya menjadikan kos untuk melancong ke negara ini lebih kompetitif dan dijangka mempunyai impak yang positif. Namun demikian, ianya perlu di sokong oleh strategi promosi dan pemasaran yang efektif bagi memastikan para pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Sekian, terima kasih.